

P.U. (A) 65/2009

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007
PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN JADUAL 4) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 380(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 4) 2009**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 20 Februari 2009.

Pindaan Jadual 4

2. Jadual 4 kepada Akta dipinda dalam Bahagian 2 dengan memasukkan selepas perkara 5 dan butir-butir yang berhubungan dengannya perkara dan butir-butir yang berikut:

Ruang pertama	Ruang kedua	Ruang ketiga
Perkara	Aktiviti	Kategori orang berdaftar
"6.	Berniaga dalam sekuriti berhubung dengan aktiviti-aktiviti perkiraan atau penawaran untuk jualan atau belian apa-apa kepentingan dalam sesuatu skim unit amanah	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad".

“

Dibuat 12 Februari 2009

[KK/BPKA/K1(S)/483/128/1/1;PN(PU²) 662/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP

Menteri Kewangan Kedua